

20/07/2000

Firma asing ada muslihat untuk kuasai Proton

USAHA syarikat automotif gergasi asing yang cuba menguasai 100 peratus ekuiti dalam Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) seperti yang didedahkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin secara zahirnya kelihatan sebagai pengiktirafan kepada industri kereta negara. Dengan menguasai sebahagian besar pasaran kereta tempatan, sambutan terhadap kereta Proton membuat model lain yang sekelas dengannya mendapati sukar untuk bersaing, termasuk dari segi harga jualan. Namun, minat syarikat asing terbabit sebenarnya dipenuhi pelbagai muslihat.

Tidak seperti yang didakwa mereka, sebarang pengambilalihan tidak menjanjikan manfaat kepada rakyat Malaysia. Dengan matlamat utama mereka hanyalah untuk menguasai pasaran kereta dunia, tiada siapa yang akan berasa pasti dengan masa depan Proton, yang kini turut mendapat pasaran baik di luar negara, terutama di Britain. Segala usaha selama ini untuk melihat anak tempatan diperkayakan dengan pengetahuan dalam teknologi dan kepakaran penciptaan kereta juga akan terabai. Kerana itu, kita tidak harus terpedaya dengan janji-janji manis syarikat asing terbabit yang sudah menelan banyak syarikat kecil yang dahulunya bersaing dengan mereka. Proton adalah kebanggaan Malaysia dan rakyatnya dan ia harus dipertahankan.

(END)